

PUNGUTAN HASIL KERAJAAN SECARA *E-PAYMENT*

No	Perkara	Tanggungjawab	Catatan
1.	Tujuan		
1.1.	Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peraturan dan pelaksanaan pungutan hasil LGM secara e-Payment.	Ketua Pegawai Kewangan	Diterima pakai. Diterima pakai. Masih dalam pembangunan Sistem e-Payment LGM
1.2.	e-Payment dilaksanakan secara <i>Point of Sales</i> dengan menggunakan Kad Kredit iaitu Master Card dan Visa serta Kad Debit, MEPSCASH dan Kad American Express (Amex).		
2.	Kadar Caj Perkhidmatan Bagi Kad Kredit, Kad Debit, MEPSCASH Dan Kad Amex		
2.1.	Bagi melaksanakan <i>e-Payment</i> , Perbendaharaan Malaysia telah menetapkan kadar caj perkhidmatan bagi setiap transaksi pungutan hasil tidak melebihi 1.1% bagi pembayaran menggunakan Kad Kredit iaitu MasterCard atau Visa dan Kad Amex. Bagi Kad Debit pula, kadar caj perkhidmatan yang telah ditetapkan adalah tidak melebihi 0.8%. Manakala kadar caj perkhidmatan bagi MEPSCASH telah ditetapkan tidak melebihi 1.0%.		Kadar caj yang dikenakan adalah tertakluk kepada perundingan antara LGM dengan pihak bank. Ini kerana transaksi e-payment di BGA lebih rendah berbanding transaksi yang diurus oleh Jabatan Akauntan Negara
2.2.	Kadar caj perkhidmatan ini juga termasuk pembekalan, penyelenggaraan serta peningkatan perisian terminal yang akan disediakan oleh bank berkenaan secara percuma. Walau bagaimanapun, caj bagi talian telefon perlu dibiayai oleh LGM.		

No	Perkara	Tanggungjawab	Catatan
3.	Syarat Pelantikan Institusi Kewangan (“Bank”)		
	<p>3.1. Urusan pungutan hasil Kerajaan secara <i>e-Payment</i> boleh dikendalikan melalui mana-mana bank yang:</p> <p>3.1.1 Dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.</p> <p>3.1.2 Mempunyai ibu pejabat atau tempat perniagaan utamanya di Malaysia; dan</p> <p>3.1.3 Di bawah kawalan tempatan.</p> <p>3.2. Bagi melaksanakan pungutan hasil secara <i>e-Payment</i>, satu perjanjian antara LGM dan pihak bank yang dilantik LGM perlulah ditandatangani.</p>		
4.	Perakaunan Pungutan Hasil Secara Kad Kredit, Kad Debit, MEPSCASH Dan Kad Amex		
	<p>4.1. Bank yang dilantik untuk mengendalikan pungutan melalui kaedah <i>e-Payment</i> boleh menolak caj perkhidmatan pada kadar yang telah ditetapkan daripada amaun kasar yang dipungut dan menyerahkan amaun bersih kepada LGM. Walau bagaimanapun, LGM perlu mengakaunkan amaun kasar yang dipungut sebagai hasil dan jumlah caj perkhidmatan yang telah ditolak oleh bank sebagai perbelanjaan.</p> <p>4.2. Standard Perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB berkenaan perakaunan pungutan hasil hendaklah juga dirujuk.</p> <p>4.3. LGM perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung jumlah caj perkhidmatan yang dikenakan oleh bank yang dilantik.</p>		